BH ONLINE

MSM Malaysia rugi RM179 juta

Oleh Wartawan BH - Februari 22, 2023 @ 11:52pm
bhbiz@nstp.com.my

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka merekodkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM179 juta bagi 12 bulan berakhir 31 Disember 2022, berbanding keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM81 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka merekodkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM179 juta bagi 12 bulan berakhir 31 Disember 2022, berbanding keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM81 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Ia disebabkan oleh tekanan margin yang berpanjangan bagi harga kawalan segmen runcit domestik dan tanpa sebarang subsidi.

Hasil bagi suku keempat tahun kewangan 2022 ialah RM678 juta berbanding RM642 juta bagi suku yang sama tahun lalu, manakala untuk 12 bulan tahun kewangan 2022, MSM mencatatkan hasil sebanyak RM2.56 bilion, peningkatan 13 peratus daripada RM2.26 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Peningkatan dalam harga jualan purata (ASP) yang diperoleh daripada premium industri yang lebih tinggi dan peningkatan premium eksport adalah penyumbang utama kepada peningkatan dalam hasil.

Walaupun terdapat peningkatan dalam ASP, MSM melaporkan keuntungan kasar negatif hasil daripada kos pengeluaran 22 peratus lebih tinggi terutamanya NY11 18 peratus lebih tinggi, pertukaran asing lima peratus lebih tinggi dan 25 peratus peningkatan kos penapisan (RC).

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada RC yang lebih tinggi ialah kenaikan kos gas sebanyak 63 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata untuk suku keempat tahun kewangan 2022, jumlah jualan kumpulan menurun sebanyak empat peratus berbanding suku keempat tahun kewangan 2021.

"Walaupun volum borong meningkat kepada 18 peratus sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi dan volum industri meningkat sebanyak tujuh peratus, jualan eksport MSM menurun sebanyak 41 peratus kerana keutamaan diberikan kepada pesanan domestik untuk mengelakkan kekurangan gula tempatan.

"40 peratus perniagaan MSM terdiri daripada bekalan kepada borong dan runcit bagi segmen pengguna dan untuk segmen khusus ini kami beroperasi dengan margin negatif yang ketara sejak suku keempat 2021," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sepanjang 10 tahun yang lalu, pengeluar gula bertapis beroperasi tanpa subsidi dan hanya menerima sedikit kenaikan harga sebanyak satu sen sekilogram.

"Dengan harga terkawal RM2.85 sekilogram, Malaysia jauh lebih murah berbanding negara pengeluar gula terkemuka yang bersepadu dengan perladangan dan skim penjimatan tenaga seperti Thailand pada RM3.50 sekilogram. Selebihnya, harga runcit di rantau Asia antara RM4.50 hingga 6.50 sekilogram.

"Sebagai pemain industri bersama, kami telah mengadakan sesi libat urus dengan kerajaan sejak Mei 2021 untuk mendapatkan sokongan bagi cadangan semakan harga baharu atau subsidi. Malah, kami bersedia untuk beroperasi dengan dasar harga terapung tetapi kami mohon intervensi daripada kerajaan.

"Sebagai pengeluar makanan penting, pengeluar gula bertapis tempatan memastikan keterjaminan makanan manakala import bukan pilihan yang mampan dan terhad kepada kuota eksport negara mereka, khususnya India, yang mungkin dihentikan untuk melindungi keperluan domestik mereka," kata Syed Feizal.

***

HEADLINE	MSM Malaysia rugi RM179 juta
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	22 February 2023, 11.52pm
BY	Wartawan BH
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/02/1067922/msm-malaysia-rugi-rm179-juta